



28 September 2017
28 September 2017
P.U. (A) 285

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI
(PENGEQUALIAN DARIPADA, PENGUBAHAN DAN
PENAMBAHAN KEPADA, PERLEMBAGAAN)
(UNIVERSITI UTARA MALAYSIA) (PINDAAN) 2017

*UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES
(EXEMPTION FROM, VARIATION OF AND ADDITION TO,
THE CONSTITUTION) (UNIVERSITI UTARA MALAYSIA)
(AMENDMENT) ORDER 2017*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERINTAH UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI
(PENGECCUALIAN DARIPADA, PENGUBAHAN DAN PENAMBAHAN KEPADA,
PERLEMBAGAAN) (UNIVERSITI UTARA MALAYSIA) (PINDAAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 26(b) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*], Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Menteri, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Universiti dan Kolej Universiti (Pengecualian Daripada, Pengubahan dan Penambahan Kepada, Perlembagaan) (Universiti Utara Malaysia) (Pindaan) 2017**.

(2) Perintah ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada tarikh sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual bagi butiran yang berkenaan.

Pengubahan dan penambahan diperihalkan dalam Jadual

2. Peruntukan Perlembagaan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual kepada Perintah ini diubah bagi maksud pemakaiannya bagi Perlembagaan Universiti Utara Malaysia dengan meminda Jadual kepada Perintah Universiti dan Kolej Universiti (Pengecualian Daripada, Pengubahan dan Penambahan Kepada, Perlembagaan) (Universiti Utara Malaysia) 1998 [*P.U. (A) 148/1998*] sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) seperti yang berikut:

JADUAL

(1)	(2)
<i>Peruntukan Perlembagaan</i>	<i>Perihal pengecualian, perubahan dan penambahan</i>
1. Seksyen 2	
- subseksyen (1)	<p>Dalam butiran 1, dalam subbutiran “- subseksyen (1)”, dalam ruang (2), dengan menggantikan takrif “pegawai” dengan takrif yang berikut:</p> <p style="padding-left: 40px;">“pegawai” ertinya Canselor, Pro-Canselor, Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, Penolong Naib Canselor, Dekan dan Timbalan Dekan Kolej, Pusat Pengajian atau Fakulti, ketua dan timbalan ketua Pusat, Akademi atau Institut, Pendaftar, Bendahari, Ketua Pustakawan dan pemegang apa-apa jawatan yang diwujudkan oleh Statut atau selainnya;’.</p> <p style="text-align: right;"><i>[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008]</i></p>
2. Seksyen 4	
- perenggan (1)(b)	<p>Dalam butiran 3, dalam subbutiran “- perenggan (1)(b)”, dalam butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2), dengan memasukkan selepas butir-butir yang berikut:</p> <p style="padding-left: 40px;">‘ “Dalam teks bahasa kebangsaan, gantikan perkataan “lain-lain kepujian akademik luar” dengan perkataan “kepujian akademik luaran lain”. ’</p> <p>butir- butir yang berikut:</p> <p style="padding-left: 40px;">‘Masukkan selepas perenggan (b) yang berikut:</p> <p style="padding-left: 80px;">“(ba) menerima masuk pelajar dari dalam atau luar Malaysia bagi apa-apa kursus pengajian yang diluluskan oleh Universiti;”.’.</p> <p style="text-align: right;"><i>[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009]</i></p>
- perenggan (1)(g)	<p>Dalam teks bahasa kebangsaan, dalam butiran 3, dalam subbutiran “- perenggan (1)(g)”, dalam butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2), dengan</p>

JADUAL

(1)

*Peruntukan
Perlembagaan*

(2)

Perihalhan pengecualian, pengubahan dan penambahan

menggantikan butir-butir yang berikut:

‘Gantikan perkataan “jawatan-jawatan pensyarah, dan lain-Lain jawatan dan jabatan” dengan perkataan “jawatan profesor, jawatan pensyarah, jawatan dan kedudukan lain”.’

butir-butir yang berikut:

‘Masukkan selepas perkataan “mengadakan kerusi” perkataan “jawatan profesor,”.’

[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009]

- perenggan (1)(l) Dalam butiran 3, dalam subbutiran “- perenggan (1)(l)”, dalam butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2), dalam perenggan (o), dengan menggantikan perkataan “kakitangan” dengan perkataan “pekerja”.

[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009]

- perenggan (1)(m) Dalam butiran 3, dalam subbutiran “- perenggan (1)(m)”, dalam butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2)—

(a) dengan memotong butir-butir yang berikut:

‘Gantikan dengan yang berikut:

“(p) melantik dan menaikkan pangkat pekerja Universiti;”.’; dan

(b) dalam perenggan (q), dengan menggantikan perkataan “kakitangan akademik dan kakitangan sokongan” dengan perkataan “pekerja akademik dan pekerja sokongan”.

[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009]

JADUAL

(1)	(2)						
<i>Peruntukan Perlembagaan</i>	<i>Perihal pengecualian, perubahan dan penambahan</i>						
- perenggan (1)(n)	<p>Dalam butiran 3, dalam subbutiran “- perenggan (1)(n)”, dalam butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2), dengan memotong butir-butir yang berikut:</p> <p style="text-align: center;">‘Gantikan perkataan “kakitangan” dengan perkataan “pekerja”.’.</p> <p style="text-align: center;"><i>[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009]</i></p>						
- subseksyen (2)	<p>Dalam teks bahasa Inggeris, dalam butiran 3, dengan memasukkan selepas subbutiran “- paragraph (1)(r) dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2) subbutiran dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang berikut:</p> <table border="0" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">(1)</th> <th style="text-align: center;">(2)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;"><i>Provision of the Constitution</i></td> <td style="text-align: center;"><i>Description of exemption, variation and addition</i></td> </tr> <tr> <td>‘- subsection (2)</td> <td> <p>Substitute with the following:</p> <p style="text-align: center;">“(2) If the Yang di-Pertuan Agong is satisfied, with a view to maintenance and promotion of Malaysia’s foreign relations, that it is necessary to confer an honorary degree upon a foreign dignitary, on the direction by the Yang di-Pertuan Agong, the University shall confer such degree as stated in the direction.”.’.</p> <p style="text-align: center;"><i>[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 23 April 1998]</i></p> </td> </tr> </tbody> </table>	(1)	(2)	<i>Provision of the Constitution</i>	<i>Description of exemption, variation and addition</i>	‘- subsection (2)	<p>Substitute with the following:</p> <p style="text-align: center;">“(2) If the Yang di-Pertuan Agong is satisfied, with a view to maintenance and promotion of Malaysia’s foreign relations, that it is necessary to confer an honorary degree upon a foreign dignitary, on the direction by the Yang di-Pertuan Agong, the University shall confer such degree as stated in the direction.”.’.</p> <p style="text-align: center;"><i>[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 23 April 1998]</i></p>
(1)	(2)						
<i>Provision of the Constitution</i>	<i>Description of exemption, variation and addition</i>						
‘- subsection (2)	<p>Substitute with the following:</p> <p style="text-align: center;">“(2) If the Yang di-Pertuan Agong is satisfied, with a view to maintenance and promotion of Malaysia’s foreign relations, that it is necessary to confer an honorary degree upon a foreign dignitary, on the direction by the Yang di-Pertuan Agong, the University shall confer such degree as stated in the direction.”.’.</p> <p style="text-align: center;"><i>[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 23 April 1998]</i></p>						
- subseksyen (3)	<p>Dalam butiran 3, dengan memasukkan selepas subbutiran “- subseksyen (2)” dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2) subbutiran dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang berikut:</p>						

JADUAL

(1)

*Peruntukan
Perlembagaan*

(2)

Perihal pengecualian, pengubahan dan penambahan

(1)

*Peruntukan
Perlembagaan*

(2)

*Perihal pengecualian, pengubahan
dan penambahan*

- '- subseksyen (3) Gantikan perkataan "di bawah perenggan (1)(a), (b), (c), (d), (f), (j) dan (kc)" dengan perkataan "di bawah perenggan (1)(a), (b), (ba), (c), (d), (f), (j) dan (n)".'

[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009]

3. Seksyen 9

- subseksyen (3) Dalam teks bahasa kebangsaan, dalam butiran 10, dalam subbutiran "- subseksyen (3)", dalam butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2), dengan memotong butir-butir yang berikut:

'Gantikan perkataan "ketua pegawai eksekutif dan akademik" dengan perkataan "ketua eksekutif dan pegawai akademik".'

[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009]

- subseksyen (4) Dalam teks bahasa Inggeris, dalam butiran 9, dalam subbutiran "- subsection (4)", dalam butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2), dengan menggantikan butir-butir yang berikut:

'In the national language text, delete the words "atau jawatankuasa".

In the English language text, substitute for the words "or committee keeps" the word "keep".'

dengan butir-butir yang berikut:

"Deleted."

JADUAL

(1)

*Peruntukan
Perlembagaan*

(2)

Perihal pengecualian, perubahan dan penambahan

Dalam teks bahasa kebangsaan, dalam butiran 10, dalam subbutiran “- subseksyen (4)”, dalam butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2), dengan menggantikan butir-butir yang berikut:

‘Gantikan perkataan “Adalah” dengan perkataan “Maka adalah”.

Dalam teks bahasa kebangsaan, potong perkataan “atau jawatankuasa”.

Gantikan perkataan “menentukan” dengan perkataan “untuk memastikan”.

Dalam teks bahasa Inggeris, gantikan perkataan “or committee keeps” dengan perkataan “keep”.

Masukkan selepas perkataan “ditetapkan” perkataan “kepadanya”.

dengan butir-butir yang berikut:

“Dipotong.”.

[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009]

- subseksyen (8)

Dalam teks bahasa Inggeris, dalam butiran 9, dalam subbutiran “- subsection (8)”, dalam butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2), dengan memasukkan selepas butir-butir yang berikut:

“Renumber as subsection (6).”

butir-butir yang berikut:

‘Insert after the words “appointed by the Minister,” the words “on the advice of the committee appointed under section 4A of the Universities and University Colleges Act 1971 and”.’.

JADUAL

(1)

*Peruntukan
Perlembagaan*

(2)

Perihal pengecualian, perubahan dan penambahan

Dalam teks bahasa kebangsaan, dalam butiran 10, dalam subbutiran “- subseksyen (8)”, dalam butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2), dengan memasukkan selepas butir-butir yang berikut:

‘Dalam teks bahasa Inggeris, gantikan perkataan “terms” dengan perkataan “term”.’

butir-butir yang berikut:

‘Masukkan selepas perkataan “dilantik oleh Menteri,” perkataan “atas nasihat jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen 4A Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan”.’.

[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009]

4. Seksyen 9A

Dengan memasukkan selepas butiran 10 dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2) butiran dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang berikut:

(1)

*Peruntukan
Perlembagaan*

(2)

*Perihal pengecualian, perubahan
dan penambahan*

‘10A. Seksyen 9A

Nomborkan semula sebagai seksyen 12A.

- subseksyen (1)

Masukkan selepas perkataan “Menteri,” perkataan “atas nasihat jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen 4A Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan”.’.

[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009]

JADUAL

(1)	(2)
<i>Peruntukan Perlembagaan</i>	<i>Perihal pengecualian, perubahan dan penambahan</i>
5. Seksyen 10	
- subseksyen (2) dan (3)	Dalam teks bahasa kebangsaan, dalam butiran 11, dengan menggantikan subbutiran “- subseksyen (2) dan (3)” dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2) dengan subbutiran dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang berikut:

(1)	(2)
<i>Peruntukan Perlembagaan</i>	<i>Perihal pengecualian, perubahan dan penambahan</i>
“- subseksyen (2)	Nomborkan semula sebagai subseksyen (3).
- subseksyen (3)	Nomborkan semula sebagai subseksyen (4).”.

[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2012]

- subseksyen (4), (5) dan (6)	Dalam butiran 11, dengan memasukkan selepas subbutiran “- subseksyen (3)” dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2) subbutiran dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang berikut:
-------------------------------	--

(1)	(2)
<i>Peruntukan Perlembagaan</i>	<i>Perihal pengecualian, perubahan dan penambahan</i>
“- subseksyen (4)	Nomborkan semula sebagai subseksyen (5).
- subseksyen (5)	Nomborkan semula sebagai subseksyen (6).
- subseksyen (6)	Nomborkan semula sebagai subseksyen (7).”.

[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2012]

JADUAL

(1)	(2)
<i>Peruntukan Perlembagaan</i>	<i>Perihalannya pengecualian, pengubahan dan penambahan</i>
6. Seksyen 11	Dalam butiran 12, dalam butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2), dengan menggantikan butir-butir yang berikut: ‘Gantikan dengan yang berikut: “Pegam 14. Universiti hendaklah mengambil kerja bilan pegawai-pegawai, guru-guru dan kakitangan yang kerja. dilantik di bawah Perlembagaan ini dan mana-mana Statut.”’ dengan butir-butir yang berikut: ‘Gantikan dengan yang berikut: “Pegawai 14. Universiti boleh melantik pegawai lain atau lain pekerja Universiti sebagaimana yang ditetapkan oleh Perlembagaan ini dan Statut.”’.

[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009]

7. Seksyen 12	
- subseksyen (1)	Dalam butiran 13, dengan memasukkan sebelum subbutiran “- subseksyen (2)” dan butir-butir yang berkenaan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2) subbutiran dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang berikut:
(1)	(2)
<i>Peruntukan Perlembagaan</i>	<i>Perihalannya pengecualian, pengubahan dan penambahan</i>
‘- subseksyen (1)	Gantikan perkataan “Fakulti, Sekolah,” dengan perkataan “Kolej, Pusat Pengajian, Fakulti,”’.

[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2008]

JADUAL

(1)	(2)						
<i>Peruntukan Perlembagaan</i>	<i>Perihal pengecualian, perubahan dan penambahan</i>						
8. Seksyen 13							
- subseksyen (1)	Dalam teks bahasa Inggeris, dalam butiran 13, dalam butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2), dengan memotong butir-butir yang berikut: ‘Insert after the words “Board of Directors” the words “of the University”.’. [<i>Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009</i>]						
- perenggan (c)	Dalam butiran 14, dengan memotong subbutiran “- perenggan (c)” dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2). [<i>Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009</i>]						
- perenggan (1)(e)	Dalam butiran 14, dengan memasukkan di bawah seksyen 13 dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2) subbutiran dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang berikut: <table border="0" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">(1)</th> <th style="text-align: center;">(2)</th> </tr> <tr> <th style="text-align: center;"><i>Peruntukan Perlembagaan</i></th> <th style="text-align: center;"><i>Perihal pengecualian, perubahan dan penambahan</i></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">‘- perenggan (e)</td> <td>Gantikan perkataan “perenggan 17(d)” dengan perkataan “perenggan 20 (1)(d)”.’.</td> </tr> </tbody> </table> [<i>Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009</i>]	(1)	(2)	<i>Peruntukan Perlembagaan</i>	<i>Perihal pengecualian, perubahan dan penambahan</i>	‘- perenggan (e)	Gantikan perkataan “perenggan 17(d)” dengan perkataan “perenggan 20 (1)(d)”.’.
(1)	(2)						
<i>Peruntukan Perlembagaan</i>	<i>Perihal pengecualian, perubahan dan penambahan</i>						
‘- perenggan (e)	Gantikan perkataan “perenggan 17(d)” dengan perkataan “perenggan 20 (1)(d)”.’.						
9. Seksyen 14							
- subseksyen (1A)	Dalam butiran 15, dengan memasukkan selepas subbutiran “- subseksyen (1)” dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2) subbutiran dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang berikut:						

JADUAL

(1)	(2)
<i>Peruntukan Perlembagaan</i>	<i>Perihal pengecualian, perubahan dan penambahan</i>
(1)	(2)
<i>Peruntukan Perlembagaan</i>	<i>Perihal pengecualian, perubahan dan penambahan</i>
‘- subseksyen (1A)	Gantikan perkataan “perenggan 13(1)(e)” dengan perkataan “perenggan 16(1)(e)”.’.
<i>[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009]</i>	
10. Seksyen 16	
- nota birai	Dalam teks bahasa kebangsaan, dalam butiran 17, dengan memotong subbutiran “- nota birai” dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2).
<i>[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009]</i>	
- subseksyen (1)	Dalam teks bahasa kebangsaan, dalam butiran 17, dengan memotong subbutiran “- subseksyen (1)” dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2).
<i>[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009]</i>	
11. Seksyen 16A	Dengan memasukkan selepas butiran 17 dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2) butiran dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang berikut:
(1)	(2)
<i>Peruntukan Perlembagaan</i>	<i>Perihal pengecualian, perubahan dan penambahan</i>
“17A. Seksyen 16A	Nomborkan semula sebagai seksyen 19A.”.
<i>[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009]</i>	

JADUAL

(1)	(2)
<i>Peruntukan Perlembagaan</i>	<i>Perihal pengecualian, perubahan dan penambahan</i>
12. Seksyen 17	
- perenggan (1)(c)	Dalam butiran 18, dalam subbutiran “- perenggan (1)(c)” dalam butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2), dengan menggantikan butir-butir yang berikut: ‘Gantikan dengan yang berikut: “(c) semua Dekan Fakulti dan Dekan Sekolah, semua ketua Pusat, Akademi dan Institut; dan”.’ dengan butir-butir yang berikut: ‘Gantikan dengan yang berikut: “(c) semua Penolong Naib Canselor, Dekan dan ketua Kolej, Pusat Pengajian, Fakulti, Pusat, Akademi dan Institut; dan”.’ [Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008]
13. Seksyen 17	
- perenggan (1)(c)	Dalam butiran 18, dalam subbutiran “- perenggan (1)(c)” dalam butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2) sebagaimana yang digantikan dalam butiran 11 Jadual ini, dengan menggantikan butir-butir yang berikut: ‘Gantikan dengan yang berikut: “(c) semua Penolong Naib Canselor, Dekan dan ketua Kolej, Pusat Pengajian, Fakulti, Pusat, Akademi dan Institut; dan”.’ dengan butir-butir yang berikut: ‘Gantikan dengan yang berikut: “(c) semua ketua Kampus Cawangan, Penolong Naib Canselor, Dekan dan ketua Kolej, Pusat Pengajian,

JADUAL

(1)	(2)
<i>Peruntukan Perlembagaan</i>	<i>Perihal pengecualian, perubahan dan penambahan Fakulti, Pusat, Akademi dan Institut; dan”’.</i>
<i>[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009]</i>	
- perenggan (1)(d) dan (e)	Dalam butiran 18, dengan memasukkan selepas subbutiran “- perenggan (1)(c)” dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2) subbutiran dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang berikut:
(1)	(2)
<i>Peruntukan Perlembagaan</i>	<i>Perihal pengecualian, perubahan dan penambahan</i>
‘- perenggan (1)(d)	Dengan memasukkan selepas perkataan “profesor” perkataan “sepenuh masa”.
- perenggan (1)(e)	Gantikan perkataan “diko-opt” dengan perkataan “dilantik”’.
<i>[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009]</i>	
- subseksyen (1A)	Dalam butiran 18, dalam subbutiran “- subseksyen (1A)”, dalam butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2), dengan memotong butir-butir yang berikut:
	‘Masukkan selepas perkataan “mesyuarat Senat” perkataan “, mengikut Statut yang mengawal selia keanggotaan Senat dan tertakluk kepada apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Menteri”’.
<i>[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009]</i>	
- subseksyen (1C)	Dalam butiran 18, dengan memasukkan selepas subbutiran “- subseksyen (1B)” dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2) subbutiran dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang berikut:

JADUAL

(1)	(2)
<i>Peruntukan Perlembagaan</i>	<i>Perihalannya pengecualian, pengubahan dan penambahan</i>

(1)	(2)
<i>Peruntukan Perlembagaan</i>	<i>Perihalannya pengecualian, pengubahan dan penambahan</i>
“- subseksyen (1C)	Nomborkan semula sebagai subseksyen (3A).”.
[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009]	
- subseksyen (2A)	Dalam butiran 18, dengan memasukkan selepas subbutiran “- subseksyen (2)” dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2) subbutiran dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang berikut:

(1)	(2)
<i>Peruntukan Perlembagaan</i>	<i>Perihalannya pengecualian, pengubahan dan penambahan</i>
‘- subseksyen (2A)	Nomborkan semula sebagai subseksyen (4A). Gantikan perkataan “subseksyen 4(3) dan subseksyen (2)” dengan perkataan “subseksyen 6(3) dan subseksyen (4)”.
- perenggan (2A)(a)	Gantikan perkataan “Fakulti, Sekolah,” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Kolej, Pusat Pengajian, Fakulti,”.
- perenggan (2A)(c)	Gantikan perkataan “pengajaran, pelajaran” dengan perkataan “pengajaran dan pembelajaran”.

[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009]

JADUAL

(1)	(2)
<i>Peruntukan Perlembagaan</i>	<i>Perihalannya pengecualian, pengubahan dan penambahan</i>
- subseksyen (4) dan (5)	Dalam butiran 18, dengan memasukkan selepas subbutiran “- subseksyen (3)” dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2) subbutiran dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang berikut:
(1)	(2)
<i>Peruntukan Perlembagaan</i>	<i>Perihalannya pengecualian, pengubahan dan penambahan</i>
‘- subseksyen (4)	Nomborkan semula sebagai subseksyen (6). Gantikan perkataan “subseksyen 16(3)” dengan perkataan “subseksyen 19(2)”.
- subseksyen (5)	Nomborkan semula sebagai subseksyen (7). Gantikan perkataan “seksyen 24A” dengan perkataan “seksyen 28A”.
<i>[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009]</i>	
14. Seksyen 17A	Dengan memasukkan selepas butiran 18 dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2) butiran, subbutiran dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang berikut:
(1)	(2)
<i>Peruntukan Perlembagaan</i>	<i>Perihalannya pengecualian, pengubahan dan penambahan</i>
‘18A. Seksyen 17A	Nomborkan semula sebagai seksyen 20A.
- subseksyen (1)	Gantikan dengan yang berikut:

JADUAL

(1)	(2)
<i>Peruntukan Perlembagaan</i>	<i>Perihal an pengecualian, pengubahan dan penambahan</i>
	“(1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Jawatankuasa Pengurusan Universiti yang hendaklah terdiri daripada—
	(a) Naib Canselor, yang hendaklah menjadi pengerusi;
	(b) semua Timbalan Naib Canselor;
	(c) semua Penolong Naib Canselor;
	(d) Pendaftar;
	(e) Bursar;
	(f) Ketua Pustakawan;
	(g) Penasihat Undang-Undang; dan
	(h) mana-mana pegawai lain Universiti yang dilantik oleh Naib Canselor.”.

[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009]

15. Seksyen 18

- nota birai dan subseksyen (1) Dalam butiran 19, dengan memasukkan sebelum subbutiran “- subseksyen (1A), (2) dan (3)” dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2) subbutiran dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang berikut:

JADUAL

(1)	(2)
<i>Peruntukan Perlembagaan</i>	<i>Perihalannya pengecualian, perubahan dan penambahan</i>
(1)	(2)
<i>Peruntukan Perlembagaan</i>	<i>Perihalannya pengecualian, perubahan dan penambahan</i>
‘- nota birai	Gantikan perkataan “Fakulti, Sekolah,” dengan perkataan “Kolej, Pusat Pengajian, Fakulti.”.
- subseksyen (1)	Gantikan perkataan “Fakulti, Sekolah,” dengan perkataan “Kolej, Pusat Pengajian, Fakulti,”.
<i>[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008]</i>	
- subseksyen (1A) dan (2)	Dalam butiran 19, dengan menggantikan subbutiran “- subseksyen (1A), (2) dan (3)” dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2) subbutiran dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang berikut:
(1)	(2)
<i>Peruntukan Perlembagaan</i>	<i>Perihalannya pengecualian, perubahan dan penambahan</i>
‘- subseksyen (1A)	Nomborkan semula sebagai subseksyen (2).
	Dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “sesuatu” dengan perkataan “mana-mana”.
	Dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “other units or bodies in respect of a Faculty, a School, a Centre, a Academy and an Institute” dengan perkataan “units or other bodies in respect of any College, School, Faculty, Centre, Academy

JADUAL

(1)	(2)
<i>Peruntukan Perlembagaan</i>	<i>Perihalannya pengecualian, pengubahan dan penambahan</i>
	and Institute”.
- subseksyen (2)	Nomborkan semula sebagai subseksyen (3).
	Gantikan perkataan “Sesuat Fakulti, Sekolah,” dengan perkataan “Sesuat Kolej, Pusat Pengajian, Fakulti,”.
	Gantikan perkataan “Fakulti, Sekolah,” dengan perkataan “Kolej, Pusat Pengajian, Fakulti,”.
	<i>[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008]</i>
- subseksyen (3) dan (4)	Dalam butiran 19, dengan menggantikan subbutiran “- subseksyen (4) dan (5)” dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2) subbutiran dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang berikut:
(1) <i>Peruntukan Perlembagaan</i>	(2) <i>Perihalannya pengecualian, pengubahan dan penambahan</i>
- subseksyen (3)	Nomborkan semula sebagai subseksyen (4).
	Gantikan dengan yang berikut:
	“(4) Naib Canselor hendaklah melantik seorang Penolong Naib Canselor atau Dekan berkenaan dengan setiap Kolej, Pusat Pengajian atau Fakulti. Penolong Naib Canselor atau Dekan hendaklah menjadi pengerusi

JADUAL

(1)	(2)
<p><i>Peruntukan Perlembagaan</i></p>	<p><i>Perihal pengecualian, perubahan dan penambahan</i></p> <p>Kolej, Pusat Pengajian atau Fakulti dan hendaklah menjalankan apa-apa kewajipan yang diberikan kepadanya oleh Statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan dan apa-apa fungsi lain yang dikenakan ke atasnya dari semasa ke semasa; dan jika Penolong Naib Canselor atau Dekan bercuti atau atas apa-apa sebab lain Penolong Naib Canselor atau Dekan tidak berupaya menjalankan kewajipan jawatannya, maka adalah sah bagi Dekan atau Timbalan Dekan, atau jika terdapat lebih daripada satu Dekan atau Timbalan Dekan, maka Dekan atau Timbalan Dekan yang dinamakan oleh Naib Canselor, atau mana-mana guru Kolej, Pusat Pengajian atau Fakulti yang dinamakan oleh Naib Canselor, untuk menjalankan kewajipan Penolong Naib Canselor atau Dekan itu selama tempoh ketidakupayaan itu berterusan.”.</p> <p>- subseksyen (4)</p>
	<p>Nomborkan semula sebagai subseksyen (5).</p> <p>Gantikan dengan yang berikut:</p>

JADUAL

(1)	(2)
<i>Peruntukan Perlembagaan</i>	<i>Perihal pengecualian, perubahan dan penambahan</i>
	<p>“(5) Naib Canselor hendaklah melantik seorang ketua dan sekurang-kurangnya seorang timbalan ketua berkenaan dengan setiap Pusat, Akademi dan Institut. Ketua dan timbalan ketua itu hendaklah dinamakan dengan gelaran sebagaimana yang ditetapkan oleh Statut. Ketua hendaklah menjadi pengerusi Pusat, Akademi atau Institut dan hendaklah menjalankan apa-apa kewajipan yang diberikan kepadanya oleh Statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan dan apa-apa fungsi lain yang dikenakan ke atasnya dari semasa ke semasa; dan jika ketua bercuti atau atas apa-apa sebab lain ketua tidak berupaya menjalankan kewajipan-kewajipan jawatannya, maka adalah sah bagi timbalan ketua, atau jika ada lebih daripada satu timbalan ketua, maka timbalan ketua yang dinamakan oleh Naib Canselor, atau mana-mana guru yang dinamakan oleh Naib Canselor, untuk menjalankan kewajipan-kewajipan ketua itu selama tempoh ketakupayaan itu berterusan.”’.</p>

[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008]

JADUAL

(1)	(2)
<p><i>Peruntukan Perlembagaan</i></p>	<p><i>Perihalhan pengecualian, pengubahan dan penambahan</i></p>
<p>- subseksyen (5)</p>	<p>Dalam butiran 19, dalam subbutiran “- subseksyen (5)”, dalam butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2), dengan menggantikan butir-butir yang berikut:</p> <p style="padding-left: 40px;">‘Gantikan dengan yang berikut:</p> <p style="padding-left: 80px;">“(6) Dekan, Timbalan Dekan, ketua dan timbalan ketua yang dilantik di bawah subseksyen (4) atau (5), mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dilantik selama tempoh tidak melebihi empat tahun tetapi adalah layak dilantik semula.”.’</p> <p>dengan butir-butir yang berikut:</p> <p style="padding-left: 40px;">‘Gantikan dengan yang berikut:</p> <p style="padding-left: 80px;">“(6) Penolong Naib Canselor, Dekan, Timbalan Dekan, ketua dan timbalan ketua yang dilantik di bawah subseksyen (4) atau (5), mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dilantik selama tempoh tidak melebihi empat tahun tetapi adalah layak dilantik semula.”.’.</p> <p style="padding-left: 40px;">[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008]</p>
<p>- subseksyen (6)</p>	<p>Dalam butiran 19, dalam subbutiran “- subseksyen (6)”, dalam butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2), dengan memasukkan selepas butir-butir yang berikut:</p> <p style="padding-left: 40px;">‘Gantikan perkataan “(5)” dan “(3) atau (4)” dengan perkataan “(6)” dan “(4) atau (5)”, masing-masingnya.’</p> <p>butir-butir yang berikut:</p> <p style="padding-left: 40px;">‘Masukkan selepas perkataan “tempoh pelantikan itu” dengan perkataan “, dan Lembaga hendaklah dimaklumkan tentang pembatalan pelantikan itu dengan seberapa segera yang boleh.”.’.</p>

JADUAL

(1)

*Peruntukan
Perlembagaan*

(2)

*Perihal pengecualian, perubahan dan penambahan**[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009]*

16. Seksyen 18

- subseksyen
(3) dan (4)

Dalam butiran 19, dengan menggantikan subbutiran “- subseksyen (3) dan (4)” dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2) sebagaimana yang digantikan dalam butiran 15 Jadual ini dengan subbutiran dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang berikut:

(1)

*Peruntukan
Perlembagaan*

‘- subseksyen (3)

(2)

*Perihal pengecualian, perubahan
dan penambahan*

Nomborkan semula sebagai subseksyen (4).

Gantikan dengan yang berikut:

“(4) Naib Canselor hendaklah, selepas berunding dengan guru setiap Kolej, Pusat Pengajian atau Fakulti, melantik seorang Penolong Naib Canselor, Dekan atau Timbalan Dekan setiap Kolej, Pusat Pengajian atau Fakulti. Lembaga hendaklah dimaklumkan tentang pelantikan itu dengan seberapa segera yang boleh. Penolong Naib Canselor atau Dekan hendaklah menjadi pengerusi Kolej, Pusat Pengajian atau Fakulti dan hendaklah menjalankan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang diberikan kepadanya oleh Statut, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan; dan jika Penolong Naib Canselor atau Dekan tidak berupaya menjalankan kewajipan jawatannya oleh sebab bercuti atau atas apa-apa

JADUAL

(1)	(2)
<i>Peruntukan Perlembagaan</i>	<i>Perihalannya pengecualian, perubahan dan penambahan</i>
	<p>sebab lain, maka adalah sah bagi Dekan atau Timbalan Dekan atau mana-mana pegawai kanan lain yang dilantik oleh Naib Canselor untuk menjalankan kewajipan Penolong Naib Canselor atau Dekan itu selama tempoh ketidakupayaan itu berterusan.”.</p> <p>- subseksyen (4) Nomborkan semula sebagai subseksyen (5).</p>

Gantikan dengan yang berikut:

“(5) Naib Canselor hendaklah, selepas berunding dengan guru setiap Kolej, Pusat Pengajian atau Fakulti, melantik seseorang sebagai ketua atau timbalan ketua sesuatu Pusat, Akademi atau Institut. Lembaga hendaklah dimaklumkan tentang pelantikan itu dengan seberapa segera yang boleh. Ketua atau timbalan ketua itu hendaklah diberi gelaran sebagaimana yang ditetapkan oleh Statut, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan; dan jika ketua sesuatu Pusat, Akademi dan Institut tidak berupaya menjalankan kewajipannya oleh sebab bercuti atau atas apa-apa sebab lain, Naib Canselor boleh, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya oleh Statut, melantik mana-mana orang untuk menjalankan kewajipan itu selama tempoh ketidakupayaan itu berterusan.”.

JADUAL

(1)

*Peruntukan
Perlembagaan*

(2)

Perihalhan pengecualian, pengubahan dan penambahan

[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009]

17. Seksyen 19

Dalam teks bahasa Inggeris, dalam butiran 19, dalam butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2), dengan memasukkan selepas butir-butir yang berikut:

'Delete the words "either of".'

butir-butir yang berikut:

'Substitute for the words "Faculty, School," wherever appearing in the section the words "College, School, Faculty,".'

Dalam teks bahasa kebangsaan, dalam butiran 20, dalam butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2), dengan memasukkan selepas butir-butir yang berikut:

'Nomborkan semula sebagai seksyen 22.'

butir-butir yang berikut:

'potong perkataan "salah satu".'

Gantikan perkataan "Fakulti, Sekolah," di mana-mana jua terdapat dalam seksyen itu perkataan "Kolej, Pusat Pengajian, Fakulti,".

[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008]

18. Seksyen 20

- perenggan (1)(c)

Dalam butiran 21, dalam subbutiran "- perenggan (1)(c)", dalam butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2), dengan menggantikan butir-butir yang berikut:

'Gantikan dengan yang berikut:

"(c) Dekan Fakulti atau Dekan Sekolah, atau ketua Pusat, Akademi dan Institut yang baginya Kursi atau

JADUAL

(1)

*Peruntukan
Perlembagaan*

(2)

Perihalannya pengecualian, pengubahan dan penambahan

jawatan profesor kanan atau profesor itu diuntukkan; dan”.’

dengan butir-butir yang berikut:

‘Gantikan dengan yang berikut:

“(c) Penolong Naib Canselor atau Dekan Kolej, Pusat Pengajian atau Fakulti atau ketua Pusat, Akademi dan Institut yang baginya Kursi atau jawatan profesor kanan atau profesor itu diuntukkan; dan”.’.

[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008]

- subseksyen (4) Dalam butiran 21, dalam subbutiran “- subseksyen (4)”, dalam butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2), dengan menggantikan butir-butir yang berikut:

‘“(6) Maka hendaklah dilantik ahli silih ganti bagi setiap ahli Jawatankuasa Pemilih di bawah subseksyen (1), (2) dan (4), kecuali bagi pengerusi, Dekan Fakulti, Dekan Sekolah, atau ketua Pusat, Akademi dan Institut.”.’

dengan butir-butir yang berikut:

‘“(6) Maka hendaklah dilantik ahli silih ganti bagi setiap ahli Jawatankuasa Pemilih di bawah subseksyen (1), (2) dan (4), kecuali bagi pengerusi, Penolong Naib Canselor atau Dekan Kolej, Pusat Pengajian atau Fakulti, atau ketua Pusat, Akademi dan Institut.”.’.

[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008]

19. Seksyen 20

- subseksyen (1) Dalam butiran 21, dalam subbutiran “- subseksyen (1)”, dalam butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2), dengan menggantikan butir-butir yang berikut:

JADUAL

(1)

*Peruntukan
Perlembagaan*

(2)

Perihalannya pengecualian, perubahan dan penambahan

'Gantikan dengan yang berikut:

"(1) Jawatankuasa Pemilih bagi maksud pelantikan ke suatu Kursi, dan perlantikan dan kenaikan pangkat ke jawatan profesor kanan dan profesor, hendaklah terdiri daripada—“.

dengan butir-butir yang berikut:

'Ganti perkataan "seksyen 10" dengan perkataan "seksyen 13".'.

[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009]

- perenggan (1)(c) Dalam butiran 21, dalam subbutiran "- perenggan (1)(c)", dalam butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2) yang digantikan dalam butiran 18 Jadual ini, dengan menggantikan butir-butir yang berikut:

'Gantikan dengan yang berikut:

"(c) Penolong Naib Canselor atau Dekan Kolej, Pusat Pengajian atau Fakulti atau ketua Pusat, Akademi dan Institut yang baginya Kursi atau jawatan profesor kanan atau profesor itu diuntukkan; dan".'.

dengan butir-butir yang berikut:

'Gantikan dengan yang berikut:

"(c) Penolong Naib Canselor, Dekan atau ketua Kolej, Pusat Pengajian, Fakulti, Pusat, Akademi atau Institut yang baginya kursi atau jawatan itu diuntukkan; dan".'.

[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009]

JADUAL

(1)	(2)						
<i>Peruntukan Perlembagaan</i>	<i>Perihal pengecualian, perubahan dan penambahan</i>						
20. Seksyen 20A	<p>Dengan memasukkan selepas butiran 21 dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2) butiran dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang berikut:</p> <table border="0" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">(1)</th> <th style="text-align: center;">(2)</th> </tr> <tr> <th style="text-align: center;"><i>Peruntukan Perlembagaan</i></th> <th style="text-align: center;"><i>Perihal pengecualian, perubahan dan penambahan</i></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">"21A. Seksyen 20A</td> <td style="text-align: center;">Nomborkan semula sebagai seksyen 23A."</td> </tr> </tbody> </table> <p style="text-align: center;"><i>[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009]</i></p>	(1)	(2)	<i>Peruntukan Perlembagaan</i>	<i>Perihal pengecualian, perubahan dan penambahan</i>	"21A. Seksyen 20A	Nomborkan semula sebagai seksyen 23A."
(1)	(2)						
<i>Peruntukan Perlembagaan</i>	<i>Perihal pengecualian, perubahan dan penambahan</i>						
"21A. Seksyen 20A	Nomborkan semula sebagai seksyen 23A."						
21. Seksyen 20A	<p>Dengan menggantikan butiran 21A sebagaimana yang dimasukkan dalam butiran 20 Jadual ini dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2) butiran dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang berikut:</p> <table border="0" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">(1)</th> <th style="text-align: center;">(2)</th> </tr> <tr> <th style="text-align: center;"><i>Peruntukan Perlembagaan</i></th> <th style="text-align: center;"><i>Perihal pengecualian, perubahan dan penambahan</i></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">"21A. Seksyen 20A</td> <td style="text-align: center;">Dipotong."</td> </tr> </tbody> </table> <p style="text-align: center;"><i>[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2012]</i></p>	(1)	(2)	<i>Peruntukan Perlembagaan</i>	<i>Perihal pengecualian, perubahan dan penambahan</i>	"21A. Seksyen 20A	Dipotong."
(1)	(2)						
<i>Peruntukan Perlembagaan</i>	<i>Perihal pengecualian, perubahan dan penambahan</i>						
"21A. Seksyen 20A	Dipotong."						
22. Seksyen 21							
- subseksyen (1)	<p>Dalam teks bahasa kebangsaan, dalam butiran 22, dengan memotong subbutiran "- subseksyen (1)" dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2).</p> <p style="text-align: center;"><i>[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009]</i></p>						
23. Seksyen 21A	<p>Dengan memasukkan selepas butiran 22 dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2) butiran dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang berikut:</p>						

JADUAL

(1)	(2)
<i>Peruntukan Perlembagaan</i>	<i>Perihalannya pengecualian, perubahan dan penambahan</i>
(1)	(2)
<i>Peruntukan Perlembagaan</i>	<i>Perihalannya pengecualian, perubahan dan penambahan</i>
“22A. Seksyen 21A	Nomborkan semula sebagai seksyen 24A.”.
[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2012]	
24. Seksyen 24A	Dengan memasukkan selepas butiran 26 dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2) butiran dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang berikut:
(1)	(2)
<i>Peruntukan Perlembagaan</i>	<i>Perihalannya pengecualian, perubahan dan penambahan</i>
“26A. Seksyen 24A	Nomborkan semula sebagai seksyen 28A.”.
[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009]	
25. Seksyen 26	
- perenggan (3)(a)	Dalam butiran 28, dalam subbutiran “- perenggan (3)(a), dalam butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2), dengan menggantikan butir-butir yang berikut:
	‘Gantikan dengan yang berikut:
	“(a) kuasa dan kewajipan Dekan Fakulti atau Dekan Sekolah atau ketua Pusat, Akademi dan Institut;”.
	dengan butir-butir yang berikut:
	‘Gantikan dengan yang berikut:
	“(a) kuasa dan kewajipan Penolong Naib Canselor atau Dekan Kolej, Pusat Pengajian atau Fakulti atau

JADUAL

(1)

*Peruntukan
Perlembagaan*

(2)

Perihalhan pengecualian, pengubahan dan penambahan

ketua Pusat, Akademi dan Institut;”’.

[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2008]

- perenggan (3)(b) Dalam butiran 28, dalam subbutiran “- perenggan (3)(b), dalam butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2), dengan menggantikan butir-butir yang berikut:

‘Gantikan dengan yang berikut:

“(b) penubuhan, keanggotaan, kuasa, kewajipan dan tatacara Pihak Berkuasa, selain daripada Lembaga;”’.

dengan butir-butir yang berikut:

‘Gantikan perkataan “Fakulti, Sekolah,” dengan perkataan “Kolej, Pusat Pengajian, Fakulti,”’.

[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009]

- perenggan (3)(c) Dalam teks bahasa kebangsaan, dalam butiran 28, dengan memotong subbutiran “- perenggan (3)(c)” dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2).

[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009]

- perenggan (3)(e) dan (f) Dalam butiran 28, dengan memotong subbutiran “- perenggan (3)(e)” dan “- perenggan (3)(f)” dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2).

[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009]

26. Seksyen 28

- perenggan (2)(a) Dalam butiran 30, dalam subbutiran “- perenggan (2)(a)”, dalam butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2), dengan memotong perkataan “, (g)”.

[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009]

JADUAL

(1)	(2)
<i>Peruntukan Perlembagaan</i>	<i>Perihal pengecualian, perubahan dan penambahan</i>
27. Seksyen 29	
- subseksyen (3)	Dalam butiran 31, dengan memasukkan selepas subbutiran “- pindaan am” dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2) subbutiran dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang berikut:
(1) <i>Peruntukan Perlembagaan</i>	(2) <i>Perihal pengecualian, perubahan dan penambahan</i>
‘- subseksyen (3)	Gantikan perkataan “Fakulti, Sekolah,” dengan perkataan “Kolej, Pusat Pengajian, Fakulti,”.
	<i>[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008]</i>
28. Seksyen 30	
- subseksyen (1)	Dalam teks bahasa Inggeris, dalam butiran 30, dalam subbutiran “- subsection (1)”, dalam butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2), dengan menggantikan butir-butir yang berikut:
	‘In the English language text, substitute for the words “is made,” the words “are made, or a Statute or rules are”.’
	dengan butir-butir yang berikut:
	‘Substitute with the following:
	“(1) When any new Statute or rules are made, or a Statute or rules are amended or revoked, every such new Statute and rules and amendment or revocation of a Statute and rules shall be published in the <i>Gazette</i> and in such other manner as the Board may direct.”.
	<i>[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009]</i>

JADUAL

(1)	(2)
<i>Peruntukan Perlembagaan</i>	<i>Perihalhan pengecualian, pengubahan dan penambahan</i>
29. Seksyen 45	
- subseksyen (4)	<p>Dalam butiran 41, dalam subbutiran “- subseksyen (4)”, dalam butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2), dengan menggantikan butir-butir yang berikut:</p> <p style="padding-left: 40px;">“(4) Dalam seksyen ini, “Pihak Pengurusan Universiti” ertinya Pihak Pengurusan Universiti Utara Malaysia yang termasuk Naib Canselor, semua Timbalan Naib Canselor, Pendaftar, Bendahari, Ketua Pustakawan dan pegawai-pegawai lain yang diberi kuasa sedemikian oleh Naib Canselor dan dengan kelulusan Lembaga.”.</p> <p>dengan butir-butir yang berikut:</p> <p style="padding-left: 40px;">“(4) Dalam seksyen ini, “Pihak Pengurusan Universiti” ertinya Pihak Pengurusan Universiti Universiti Utara Malaysia yang termasuk Naib Canselor, semua Timbalan Naib Canselor, semua Penolong Naib Canselor, Pendaftar, Bendahari, Ketua Pustakawan dan pegawai-pegawai lain yang diberi kuasa sedemikian oleh Naib Canselor dan dengan kelulusan Lembaga.”.</p> <p>[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008]</p>
30. Seksyen 45	
- nota birai	<p>Dalam butiran 41, dengan memotong subbutiran “- nota birai” dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2).</p> <p>[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009]</p>
- subseksyen (1)	<p>Dalam butiran 41, dalam subbutiran “- subseksyen (1)”, dalam butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2), dengan menggantikan butir-butir yang berikut:</p>

JADUAL

(1)

*Peruntukan
Perlembagaan*

(2)

Perihalhan pengecualian, pengubahan dan penambahan

'Gantikan dengan yang berikut:

"48. (1) Semua orang yang diambil kerja atau yang akan diambil kerja oleh Universiti—

(a) sebagai Pendaftar, Bendahari dan Ketua Pustakawan, dan bagi semua Kursi, profesor kanan dan profesor, hendaklah dilantik oleh Lembaga atas nasihat Jawatankuasa Pemilih yang berkenaan;

(b) sebagai guru, kecuali bagi Kursi, profesor kanan dan profesor, hendaklah dilantik oleh Pihak Pengurusan Universiti atas nasihat Jawatankuasa Pemilih yang berkenaan;

(c) selain daripada yang disebut dalam perenggan (a) dan (b), tertakluk kepada mana-mana Statut dan kaedah-kaedah, hendaklah dilantik oleh seorang pegawai yang diberi kuasa oleh Pihak Pengurusan Universiti; dan

(d) bagi tempoh selama setahun atau kurang, hendaklah dilantik oleh seorang pegawai yang diberi kuasa oleh Pihak Pengurusan Universiti."

dengan butir-butir yang berikut:

'Gantikan perkataan "guru, Pendaftar, Bursar atau Pustakawan," dengan perkataan "pemegang kursi, profesor kanan, profesor, Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan atau Penasihat Undang-Undang,"'.

[*Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009*]

- subseksyen (2) Dalam butiran 41, dalam subbutiran "- subseksyen (2)", dalam butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2), dengan menggantikan butir-butir yang berikut:

JADUAL

(1)

*Peruntukan
Perlembagaan*

(2)

Perihal pengecualian, perubahan dan penambahan

“Dipotong.”

dengan butir-butir yang berikut:

‘Gantikan perkataan “Lembaga” dengan perkataan “Jawatankuasa Pengurusan Universiti mengikut nasihat Jawatankuasa Pemilih”.’.

[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009]

- subseksyen (3)

Dalam butiran 41, dalam subbutiran “- subseksyen (3)”, dalam butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2), dengan memotong butir-butir yang berikut:

‘Nomborkan semula sebagai subseksyen (2).

Gantikan dengan yang berikut:

“(2) Tiap-tiap orang yang diambil kerja oleh Universiti hendaklah memegang jawatan mengikut apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Lembaga atau yang ditetapkan oleh Statut dan kaedah-kaedah berkenaan dengan pelantikan yang dikawal selia oleh Statut dan kaedah-kaedah, dan terma-terma dan syarat-syarat yang ditentukan atau ditetapkan sedemikian, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah memperuntukkan—

(a) berhubungan dengan kewajipan-kewajipan mengajar, memeriksa, menyelia dan kewajipan lain yang seumpamanya, bahawa kerjanya adalah tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini dan peruntukan semua Statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa; dan

(b) berhubungan dengan semua terma dan syarat perkhidmatan yang lain, bahawa pengambilan kerjanya adalah tertakluk kepada peruntukan

JADUAL

(1)

*Peruntukan
Perlembagaan*

(2)

Perihal pengecualian, perubahan dan penambahan

Perlembagaan ini dan peruntukan semua Statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa pada tarikh dia mula bekerja.”.

[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009]

- subseksyen (4) Dalam butiran 41, dengan memotong subbutiran “- subseksyen (4)” sebagaimana yang dipinda dalam butiran 29 Jadual ini dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2).

[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009]

31. Seksyen 48

- subseksyen (1) Dalam butiran 45, dengan memotong subbutiran “- subseksyen (1)” dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2).

[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009]

- perenggan (2)(a) Dalam butiran 45, dalam subbutiran “- perenggan (2)(a)”, dalam butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2), dengan menggantikan butir-butir yang berikut:

‘Gantikan perkataan ‘Dekan Fakulti atau Ketua Sekolah,’ dengan perkataan “Dekan Fakulti atau Dekan Sekolah, atau ketua”.’

dengan butir-butir yang berikut:

‘Gantikan dengan yang berikut:

“(a) pelajar berdaftar setiap Kolej, Pusat Pengajian, Fakulti, Pusat, Akademi dan Institut hendaklah memilih melalui undi rahsia yang dijalankan oleh Penolong Naib Canselor atau Dekan Kolej, Pusat Pengajian, Fakulti atau ketua Pusat, Akademi atau Institut, mengikut mana-mana yang berkenaan, beberapa

JADUAL

(1)	(2)
<i>Peruntukan Perlembagaan</i>	<i>Perihalannya pengecualian, perubahan dan penambahan</i>
	<p>pelajar berdaftar yang sama bilangannya masing-masing daripada Kolej, Pusat Pengajian, Fakulti, Pusat, Akademi dan Institut itu untuk menjadi wakil dalam MPP, sebagaimana yang ditentukan oleh Naib Canselor; dan”.</p>
	<p><i>[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008]</i></p>
- subseksyen (11)	<p>Dalam butiran 45, dengan memotong subbutiran “- subseksyen (11)” dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2).</p>
	<p><i>[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009]</i></p>
- subseksyen (12)	<p>Dalam butiran 45, dengan memotong subbutiran “- subseksyen (12)” dan butir-butir yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam ruang (2).</p>
	<p><i>[Disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009]</i></p>
